NO. SEBUT HARGA : LPJ/IP/PA(S)001/2JLD10 (12) **KEW.PA-27**

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

PELUPUSAN ASET ALIH

TAJUK : PELUPUSAN KENDERAAN RASMI LEMBAGA PELABUHAN JOHOR

1. Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat atau individu yang berminat untuk membeli aset secara sebut harga seperti berikut :

Bil.	Keterangan Aset	No. Pendaftaran	Kuantiti (Unit)	Harga Simpanan (RM)
1.	Kereta BMW 330E	JYT 5823	1	28,000.00
2.	Kereta HONDA ACCORD 2.0L VTI-L	JSL 737	1	25,000.00

2. Aset boleh dilihat bermula pada **11 November 2026 sehingga 1 Disember 2026 (Isnin hingga Jumaat kecuali Hari Kelepasan Am)** di antara jam **9.30 pagi hingga 12.30 tengah hari DAN 2.30 petang hingga 4.30 petang** di pejabat Lembaga Pelabuhan Johor.

3. Aset boleh dilihat secara janji temu SAHAJA dengan menghubungi pegawai bertanggungjawab, **En. Mohd Razman Hafiz bin Abd Rahman – Unit Pentadbiran & Pengurusan Aset** di talian **07-253 4000 / 07-253 4135**.

4. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan **Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-28)** yang boleh diperoleh di alamat seperti di perenggan 5.

5. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan ditanda dengan **No. Sebut Harga : LPJ/IP/PA(S)001/2JLD10 (12)** dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di alamat :

LEMBAGA PELABUHAN JOHOR
JALAN MAWAR MERAH 2,
PUSAT PERDAGANGAN PASIR GUDANG 2,
81700 PASIR GUDANG, JOHOR.

6. Tarikh tutup sebut harga pada **1 Disember 2026 (Selasa) jam 12 tengah hari**. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.

DR. SITI NORAISHAH AZIZAN
Pengurus Besar
Lembaga Pelabuhan Johor

Tarikh : 10 November 2026

NO. SEBUT HARGA : LPJ/IP/PA(S)001/2JLD10 (12)

SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.

2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM 5,000.00 mengikut mana yang terendah. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk **Draf Bank** sahaja atas nama **LEMBAGA PELABUHAN JOHOR**.

3. Tawaran tanpa / kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.

4. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat *(as-is-where-is-basis)*.

5. Lembaga Pelabuhan Johor (LPJ) tidak akan bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.

6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal *(dismantle)*, pindah hak milik termasuk segala urusan berkaitan dengan JPJ dan Puspakom, mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung sendiri oleh pembeli.

7. Penyebut harga yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh **tujuh (7) hari dari tarikh pemberitahuan keputusan**. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.

8. Penyebut harga yang berjaya hendaklah **mengambil aset dalam tempoh tujuh (7) hari selepas bayaran penuh dijelaskan**. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan LPJ berhak untuk melupuskan aset tersebut.

9. Jika penyebut harga hendak membida lebih dari sebuah aset, penyebut harga dikehendaki mengemukakan borang sebut harga dan bayaran deposit secara **berasingan** iaitu **Borang KEW-PA 28** dan **deposit 5% dari harga tawaran bagi setiap satu aset**.

10. Borang KEW-PA 28 dan bayaran deposit (draf bank) hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang dibida. **Setiap satu aset bidaan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat dan dibuat secara berasingan**.

11. LPJ berhak membatalkan tawaran sekiranya didapati pembida yang telah berjaya membida mengemukakan tawaran yang meragukan.

12. Tempoh sah laku bagi tawaran ini adalah 90 hari dari tarikh tutup sebut harga.